

Keterlibatan Pelajar Secara Aktif Dalam Kokurikulum (Sukan) Terhadap Peningkatan Kemahiran Generik

Mohd Zulfadli Rozali

*Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
E-mail: gb120022@siswa.uthm.edu.my*

Saifullizam Puteh

*Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
E-mail: saifull@uthm.edu.my*

Abstrak

Penglibatan secara aktif pelajar di dalam aktiviti sukan dilihat dari pelbagai peringkat pencapaian bermula dengan mewakili kolej kediaman, fakulti, universiti dan juga peringkat antarabangsa dengan mewakili negara di temasya-temasya sukan yang berprestij tinggi. Kemahiran-kemahiran yang cuba diterapkan di dalam aktiviti kokurikulum ialah kemahiran generik. Penglibatan pelajar dalam kokurikulum dapat membantu bagi mencorakkan kemahiran generik pada diri pelajar sebagai bekal dalam mempromosikan diri di alam pekerjaan. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji tahap peningkatan kemahiran generik dalam kalangan pelajar kejuruteraan dan teknikal di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang terlibat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan). Sampel kajian melibatkan 196 pelajar dari 400 pelajar UTHM yang terlibat dalam 19 jenis sukan. Kajian ini menumpukan kepada mengenalpasti faktor penglibatan pelajar, tahap pengaplikasian pelajar dan persepsi pelajar menerusi penglibatan mereka secara aktif dalam kegiatan kokurikulum (sukan). Kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif akan dijalankan. Instrumen soal selidik yang dibina secara umumnya bertujuan untuk menjawab objektif utama kajian dan persoalan kajian bagi kajian ini diedarkan kepada pelajar yang merupakan atlit UTHM yang bergiat aktif dalam kokurikulum (sukan). Data yang diperolehi menggunakan set soal selidik akan diproses menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*) versi 19.0. Faktor-faktor yang mendorong penglibatan pelajar dan tahap pengaplikasian kemahiran generik yang diterima pelajar menerusi penglibatan aktif dalam aktiviti sukan akan dapat dikenalpasti menggunakan kajian deskriptif. Dapatan dari kajian ini akan dapat membantu dalam memberi cadangan secara menyeluruh bagi meningkatkan penguasaan kemahiran generik oleh pelajar menerusi penglibatan dalam kokurikulum sukan di UTHM dan Institut Pengajian Tinggi yang lain.

Kata Kunci: Kokurikulum dan Kemahiran Generik

1.0 Pengenalan

Pendidikan di Malaysia secara dasarnya dibahagikan kepada dua bahagian berbentuk program yang besar dikenali sebagai kurikulum dan kokurikulum. Menurut Khairi Fadhli (2011) melalui "Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Dewan Bahasa dan Pustaka", kokurikulum jugak dapat didefinisikan sebagai salah satu saluran pembelajaran yang di mana ia berasaskan gerak kerja yang terancang dan sistematik. Kegiatan kokurikulum ialah aktiviti-aktiviti yang

melibatkan kegiatan sukan, persatuan atau kelab yang memberikan pendekatan kepada matapelajaran dan kebudayaan, dan pasukan badan beruniform. Kegiatan sukan pada kebiasaannya adalah seperti bola sepak, ragbi, renang, bola tampar, memanah, tenpin boling, golf dan sebagainya (Bahari, 2007). Jika kita lihat di Institut Pengajian Tinggi (IPT), sukan telah menjadi satu budaya yang diceburi oleh pelajar-pelajar di universiti masing-masing. Penglibatan secara aktif pelajar di dalam aktiviti sukan dilihat dari pelbagai peringkat pencapaian bermula dengan mewakili kolej kediaman, fakulti, universiti dan juga peringkat antarabangsa dengan mewakili negara di temasya-temasya sukan yang berprestij tinggi. Selain itu juga, sokongan dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia juga amat memberangsangkan apabila mereka telah menyediakan Dasar Pembangunan Sukan IPT (DSIPT) dalam usaha melahirkan atlet pelajar yang dikenali sebagai "Thinking Athletes" (Sumber : Sinar Harian, 22 Januari 2009).

2.0 Latarbelakang Masalah

Berdasarkan Laporan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dalam Hamid,R.A (2012), Kementerian Pelajaran Malaysia menyatakan pada tahun 2009 terdapat sebanyak 27 peratus garduan IPT tempatan menganggur selepas enam bulan menamatkan pengajian dan sebanyak 33 peratus yang Berjaya mendapatkan pekerjaan memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan. Merujuk kepada laporan yang dikeluarkan oleh Malaysia Today (2005), yang bertajuk "*Malaysia Has 60,000 Graduates Unemployed*" kerajaan menjalankan satu kajian dan daripada kajian tersebut didapati bahawa punca utama 60,000 graduan Malaysia yang masih menganggur adalah disebabkan kekurangan beberapa kemahiran seperti komunikasi, lemah dalam menggunakan Bahasa Inggeris dan kurang pengalaman bekerja. Kenyataan daripada Nordin dan Mohd. Tahir (2004) yang telah menyatakan bahawa kekurangan kemahiran seperti etika kerja yang positif, kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan dan kepimpinan dilihat sebagai kayu pengukur kepada kebolehpasaran graduan Malaysia.

Menurut Esa (2004), antara kemahiran- kemahiran yang cuba diterapkan didalam aktiviti kokurikulum ialah kemahiran generik. Antara kemahiran generik yang cuba ditekankan dalam aktiviti kokurikulum ialah bekerja dalam kumpulan, penyelesaian masalah, membuat keputusan dan berkomunikasi. Hal ini menunjukkan bahawa IPT bukan sahaja memfokuskan pembangunan akademik pelajar malah juga membantukan kemahiran pelajar berdasarkan kegiatan kokurikulum yang dijalankan dalam membantu pelajar lebih berdaya saing di dalam dunia pekerjaan. Walau bagaimanapun. Terdapat masalah tentang kurangnya penglibatan pelajar terhadap aktiviti kokurikulum seperti sukan kerana beranggapan aktiviti tersebut membuang masa dan ia tidak membantu dalam proses perkembangan akademik sedangkan kegiatan ini membantu dalam pembangunan

kemahiran- kemahiran yang penting dalam membantu pelajar berdaya saing di alam pekerjaan (Bahari, 2007).

Walaupun bagaimanapun, kegiatan kokurikulum seperti sukan di IPT menghadapi masalah seperti masalah sikap negatif pelajar, disiplin tidak komited, tidak menepati masa, kurang berinteraksi bersama ahli pasukan sukan. Hal sebegini menyebabkan graduan-graduan lepasan IPT kurang mendapat tempat di pekerjaan disebabkan kurangnya kemahiran- kemahiran generik yang boleh diterapkan melalui penglibatan secara aktif dengan aktiviti kokurikulum seperti sukan. Menurut Hamid, R.A (2012) Kokurikulum sukan bola sepak dapat membantu untuk memupuk kemahiran kerja berpasukan yang tinggi dengan melihat bagaimana ahli pasukan berkerjasama antara satu sama lain. Berdasarkan Mashitah (1994) dalam Wong, H. L (2007) terdapat hanya sebilangan kecil pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum. Penglibatan yang ketara ini menyebabkan terhasilnya kumpulan pelajar yang berkeyakinan tinggi, berani berkomunikasi, berani membuat keputusan, dan boleh menyelesaikan masalah. Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam kokurikulum dapat membantu bagi mencorakkan kemahiran generik pada diri pelajar sebagai bekalan dalam mempromosikan diri di alam pekerjaan. Menurut Zainudin Hassan et al. (2005) dalam Mustafa, M.Z et al. (2008), kemahiran generik yang diperlukan oleh pekerja berdasarkan pengetahuan adalah kemahiran seperti menyelesaikan masalah, berfikiran kritikal, berkomunikasi atau berinteraksi, kerja berkumpulan, aplikasi teknologi dan memahami budaya. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji tahap peningkatan kemahiran generik dalam kalangan pelajar kejuruteraan dan teknikal di UTHM yang terlibat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan).

3.0 Objektif Kajian

Bagi memastikan tujuan kajian ini dapat dicapai, objektif kajian telah dikenalpasti seperti berikut:

- (a) Mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan).
- (b) Mengenalpasti tahap pengaplikasian kemahiran generik yang diterima pelajar menerusi penglibatan secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan).
- (c) Mengukur persepsi pelajar yang melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan) terhadap penguasaan kemahiran generik.


4.0 Persoalan Kajian

Bagi memastikan objektif kajian tercapai dan seterusnya memastikan perjalanan kajian terancang dan teratur, persoalan kajian telah dikenalpasti seperti berikut:

- (a) Apakah faktor- faktor yang mendorong penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan)?
- (b) Sejauh manakah tahap pengaplikasian kemahiran generik yang diterima pelajarmenerusi penglibatan secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan)?
- (c) Apakah persepsi pelajar yang melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan) terhadap penguasaan kemahiran generik?

5.0 Kerangka Konsep

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keterlibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti korikulum(sukan) terhadap peningkatan kemahiran generik dalam kalangan pelajar kejuruteraan dan teknikal di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Selain itu kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum (sukan) seperti faktor struktur, faktor interpersonal dan intrapersonal pelajar.



Rajah 1: Kerangka konsep kajian

Pada masa yang sama, kajian ini meninjau tahap penguasaan kemahiran generik seperti kemahiran komunikasi, menyelesaikan masalah, bekerja dalam kumpulan apabila mereka melibatkan diri secara aktif terhadap aktiviti kokurikulum(sukan). Kajian ini bakal memperjelaskan sumbangan yang dapat dihasilkan melalui penglibatan secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan) terhadap penguasaan kemahiran generik.

Kerangka teori ini diadaptasikan daripada kajian yang telah dijalankan oleh Mohamed A.A (2012) dan diperjelaskan seperti dalam rajah 1.

6.0 Sorotan Literatur


Kokurikulum merupakan saluran pembelajaran berasaskan gerak kerja yang tersusun dan terancang yang sebahagian besar aktivitinya dilakukan di luar bilik darjah seperti permainan, perkhemahan dan sebagainya. Menurut Puteh (2006) dalam Hendry (2010), kokurikulum bukan sahaja mengandungi program-program formal yang dipelajari di dalam bilik darjah atau kuliah, malah merangkumi juga aktiviti-aktiviti tidak formal yang secara umumnya dianggap sebagai *extra-curricular*. Aktiviti-aktiviti kokurikulum dapat menyediakan peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang telah dipelajari di bilik darjah (Aminuddin & Borhan, 2002).

6.1 Faktor Penglibatan

Menurut Crawford dan Godbey (1987) dalam Bahari,M.J (2007) menyatakan terdapat tiga faktor penglibatan di dalam hirarki penghalang masa lapang.Faktor- faktor penglibatan tersebut ialah :

- (a) Faktor struktur
- (b) Faktor interpersonal
- (c) Faktor intrapersonal

Faktor-faktor ini dipersetujui oleh penyelidik di Amerika Utara yang mengkaji tentang faktor penghalang penglibatan masyarakat menyertai aktiviti riadah (Dong & Chick, 2005). Melalui Grey *et. al* (2002), faktor penglibatan yang utama ialah intrapersonal, diikuti oleh interpersonal dan akhir sekali ialah struktur.



Rajah 2: Model Hirarki Penghalang Masa Lapang Crawford dan Godbey
(The Hierarchical of leisure constraint Crawford and Godbey)
(Sumber: Dong & Chick, 2005)

Model konsep seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 2, digunakan untuk memperjelaskan apakah faktor mendorong penglibatan aktif pelajar terhadap aktiviti kokurikulum (sukan).

6.2 Keperluan Kokurikulum (Sukan) dan Perlaksanaanya

Kokurikulum (sukan) di universiti telah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia ketika ini dan telah menjadi salah satu kegiatan yang sentiasa dijalankan oleh pelajar. Aktiviti kokurikulum dianggap penting sebagai kunci aras dalam memenuhi hasrat bagi dasar pendidikan kebangsaan iaitu perpaduan dalam kalangan pelajar-pelajar yang terdiri dari pelbagai kaum. Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 telah menyatakan bahawa semua pelajar hendaklah digalakkan supaya mengambil bahagian yang lebih aktif dalam aktiviti kokurikulum. Setiap pelajar perlu menyertai satu badan beruniform, sukan dan satu kelab atau persatuan di universiti.

Pelajar yang mengambil bahagian dalam program-program aktiviti kokurikulum seperti sukan cenderung untuk mempunyai purata mata gred, rekod kehadiran yang lebih baik, tidak terlibat dengan masalah disiplin berbanding pelajar-pelajar yang tidak mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum. (Negara Persekutuan Negeri Tinggi Persatuan Sekolah (NFHS), 1999). Pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam kokurikulum aktiviti bukan sahaja lebih baik akademik daripada pelajar yang tidak, malah, dilihat melalui aspek personaliti mereka seperti keyakinan diri, kerjasama sosial, dan kemahiran kepimpinan. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum dapat mempertingkatkan lagi dan memperkayakan akademik dan kemahiran mereka yang sedia ada kemahiran melalui pertandingan dan simulasi sebenar (Haensly, Lupkowsky, dan Edlind, 1986). Aktiviti kokurikulum memupuk kejayaan pada masa akan datang. Hal ini kerana, penyertaan di Institusi Pengajian Tinggi sering menjadi titik tolak pembangunan kerjaya di tempat kerja, dan di dalam masyarakat (NFHS, 1999). Aktiviti kokurikulum dilihat dapat membantu

menggalakkan pencapaian peribadi individu serta pembangunan kemahiran interpersonal. (Wagner 1999).

Pihak industri melihat graduan- graduan yang ingin ditawarkan kerja melalui aspek rekod kehadiran yang positif dan purata akademik yang tinggi dalam kursus, penglibatan aktiviti kokurikulum. Aspek lain yang juga dilihat ialah kemahiran bekerja, berupaya untuk menerimatanggungjawab dan mengikut arahan, sikap yang ideal, dan mempunyai cita-cita peribadi yang tinggi. Kemahiran- kemahiran ini ditanam melalui penyertaan kokurikulum (USA Today, 1993).

Tujuan aktiviti kokurikulum diadakan di universiti ialah untuk memberi pengalaman kepada pelajar- pelajar yang akan membantu mereka dalam mencapai kehidupan sempurna (Bahari, 2010). Menurut Fauzee *et al.* (2002) berpendapat kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum iaitu menyediakan peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai- nilai yang telah dipelajari di bilik darjah.

6.3 Kemahiran Generik di Institusi Pengajian Tinggi

Kemahiran generik merupakan satu kemahiran umum yang diperlukan dalam kehidupan khususnya di alam pekerjaan. Oleh yang sedemikian, kemahiran generik amat diperlukan oleh setiap pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang bakal menamatkan pengajian dan bergelar graduan dimana mereka akan menempuh alam pekerjaan. Hal ini kerana pihak industri atau majikan menekankan aspek tersebut dalam mengambil pekerja baru atau semasa bekerja.

Keperluan kemahiran generik ini telah mendapat perhatian daripada IPT sama ada di dalam mahupun di luar negara. Menurut Haron & Idris (2010), graduan pada masa kini dikatakan tidak mempunyai masalah dalam aspek kemahiran teknikal tetapi mengalami masalah dalam aspek kurangnya keterampilan dalam kemahiran generik.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Wyber & De La Harpe (1999), institusi pendidikan boleh dijadikan asas kepada pembangunan dan peningkatan kemahiran generik seperti kemahiran penulisan, kemahiran bekerja dalam kumpulan dan kemahiran membuat keputusan. Terdapat tujuh daripada sembilan kemahiran generik yang disenaraikan dan dipersetujui oleh responden bahawa kemahiran tersebut banyak dipelajari semasa menjalani pengajian di universiti.

Antara tujuh kemahiran yang dipelajari ketika berada di universiti ialah Kemahiran mencari dan menggunakan maklumat, kemahiran penulisan, kemahiran pengurusan masa, kemahiran bekerja dengan orang lain, kemahiran membaca, kemahiran kuantitatif, kemahiran membuat persembahan secara lisan.

Oleh itu, jelaslah bahawa tidak dapat dinafikan lagi institut pendidikan merupakan tempat yang sesuai dalam proses pembangunan

kemahiran generik selain daripada kemahiran teknikal. Terdapat beberapa universiti yang menyenaraikan beberapa kemahiran generik yang seharusnya dipelajari oleh pelajar-pelajar di universiti tersebut. Universiti tersebut ialah Universiti Canberra (2002) dan Universiti James Cook, Australia (2004). Antara kemahiran generik yang dilaksanakan ialah kemahiran komunikasi, kemahiran penggunaan teknologi maklumat, kemahiran beleajar, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran bekerja dengan orang lain dan kemahiran tanggungjawab sosial.

7.0 Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Lokasi ini dipilih kerana ia merupakan salah satu Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia yang menawarkan kursus-kursus berasaskan kejuruteraan dan teknikal. Ini bersesuaian dengan responden yang dipilih iaitu pelajar-pelajar aliran kejuruteraan dan teknikal.

Menurut Creswell (2005) ada menyatakan bahawa populasi kajian bermaksud satu kumpulan individu yang mewakili kriteria yang sama dengan tujuan kajian yang dijalankan. Mereka akan dikenalpasti antara kelompok yang hendak dikaji dan seterusnya digunakan oleh penyelidik bagi mendapat dan mengumpul data untuk tujuan penganalisan kajian.

Sasaran populasi penyelidik dalam kajian ini adalah pelajar yang bergiat aktif dalam kegiatan kokurikulum (sukan) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Manakala, sampel pula adalah sub kumpulan daripada populasi yang disasarkan oleh penyelidik, dan dapatan kajian yang dijalankan ke atas sampel mampu mewakili keseluruhan populasi (Creswell, 2005). Kaedah pensampelan bagi kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah dalam kalangan pelajar kejuruteraan dan teknikal bagi memastikan setiap sampel dalam populasi mempunyai peluang untuk dipilih sebagai responden kajian. Berdasarkan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), jumlah populasi dan sampel untuk kajian ini adalah seperti dalam Jadual 1.

Kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif akan dijalankan. Data diperolehi menggunakan set soal selidik dimana data tersebut akan diproses menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*) versi 19.0. Instrumen pengukuran yang digunakan adalah satu set borang selidik yang dirangka bagi mendapatkan maklum balas dari responden. Ia merupakan instrumen kajian yang lazim digunakan dalam kajian deskriptif. Soal selidik lebih berkesan dan sesuai digunakan bagi populasi yang besar. Selain itu, ia juga digunakan untuk mendapatkan semua maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan lain-lain.

Jadual 1: Populasi dan sampel kajian

Sukan	Responden	Populasi	Sampel
Badminton	Pelajar	20	196
Bola Baling		30	
Bola Jaring		15	
Bola Keranjang		26	
Bola Tampar		30	
Boling Padang		14	
Futsal		26	
Karatedo		3	
Menembak		1	
Pencak Silat		29	
Petanque		14	
Ragbi		31	
Sepak Takraw		13	
Softbal		32	
Taekwando		27	
Tenpin Boling		9	
Bola Sepak		20	
Kayak		40	
		20	
Jumlah : 19		400	

(Sumber: Pusat Sukan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2013)

Instrumen soal selidik yang dibina secara umumnya bertujuan untuk menjawab objektif utama kajian dan persoalan kajian. Jadual 2 menunjukkan kandungan bahagian-bahagian yang terdapat di dalam instrumen soal selidik.

Jadual 2: Kandungan instrumen soal selidik.

Bahagian	Soalan	Item terlibat
Bahagian A	Latar belakang responden	Jantina, Umur, Fakulti, Tahap Pengajian, Jenis Kokurikulum (sukan), Tahap Pencapaian
Bahagian B	Faktor penglibatan secara aktif pelajar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Struktur <ul style="list-style-type: none"> -kemudahan -masa -peralatan 2. Interpersonal <ul style="list-style-type: none"> - hubungan dengan ibubapa -hubungan dengan jurulatih kokurikulum (sukan) -hubungan dengan rakan sebaya 3. Intrapersonal <ul style="list-style-type: none"> -psikologi individu -keupayaan fizikal
Bahagian C	Tahap penguasaan kemahiran generik pelajar yang terlibat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan).	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran penyelesaian masalah 2. Kemahiran kepimpinan 3. Kemahiran bekerja dalam kumpulan 4. Kemahiran komunikasi 5. Kemahiran interpersonal 6. Kemahiran membuat keputusan 7. Kemahiran pengurusan.
Bahagian D	Persepsi Pelajar	Persepsi pelajar yang melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan) terhadap penguasaan kemahiran generik

8.0 Kesimpulan

Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar-pelajar aliran kejuruteraan dan teknikal yang bergiat aktif dalam kegiatan kokurikulum (sukan) di peringkat universiti, negeri dan juga antarabangsa di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kajian ini khususnya akan menilai faktor penglibatan pelajar secara aktif terhadap aktiviti kokurikulum (sukan). Kajian ini juga bakal menilai tahap pengaplikasian kemahiran generik yang diterima pelajar menerusi penglibatan aktif mereka serta persepsi mereka terhadap penglibatan aktif tersebut terhadap penguasaan kemahiran generik. Kajian seumpama ini diharap dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan mempertingkatkan lagi usaha bagi memastikan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum (sukan) di peringkat universiti mahupun negara.

Rujukan

- Bahari, M. J. (2007). *Faktor-Faktor Yang Menghalang Penglibatan pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum Sukan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seremban*. Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Maktab Perguruan Islam. Dicapai pada September 25, 2013 di <http://www.ipislam.edu.my/>
- Creswell, John W. (2005). *“Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research”* Merrill Publications
- De Le Harpe (1999). *“Quality and Generic (Profesional) Skills.”* Curtin University of Technology.
- Chick, G., & Dong, E. (2005). Culture constraints on leisure. In E.L. Jackson (Ed.), *Constraints to Leisure*. (pp. 169-183). State College, Pennsylvania: Venture Publishing.
- Esa, A. (2007). *Penerapan Kemahiran Generik Menerusi Kokurikulum Di Politeknik Bagi Memenuhi Keperluan Industri di Malaysia*. KUiTTTHO: Tesis KUiTTTHO.
- Esa, A. (2005). *Membangun Kemahiran Generik Menerusi Persatuan dan Kelab di Politeknik Malaysia*. Dicapai pada Oktober 9, 2013.
- Erwei Dong & Garry Chick. (2005). *Culture constraintson leisure through cross cultural research*. Pennsylvania State University. Dicapai pada Oktober 9, 2013 di <http://lin.ca/Uploads/cclr11/CCLR11-30.pdf>
- Fauzee, M.S.O., Yusof, Aminuddin., Yusof, B., Che Pah, C.A., Muzahar, I.M., (2002). *Kepentingan dan Keperluan Aktiviti Kokurikulum*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Hendry, R.A.D (2010). *Factors That Constraints The Technical and Vocational Education Students From Participate In The Uniform Co-Curriculum (Palapes and Kor Suksis)*. Tesis Sarjana Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Hamid, R. A. (2012). *Penerapan Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Kokurikulum Sukan Bola Sepak dalam Kalangan Pelajar UTHM*. Dicapai September 26, 2013
- Haron, Z. & Idris, A.A (2010). *Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Dicapai September 26, 2013.
- Haensly, P. A.; A. E. Lupkowsky; and E. P. Edlind. (1986). *The role of extracurricular activities in education*. *The High School Journal* 69 (2): 110–119. Dicapai Januari 2, 2014.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Softskills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Krejcie, R.V and Morgan, D. W. (1970). *“ Determining Sample Size For Research: Educational And Psychological Measurement.”* *Educational and Psychological Measurement*. 30.607-610.
- Puteh, S. (2004). *Pengurusan Kokurikulum*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

- Mohd Sofian Omar Fauzee & Rohanida Ab Manaf. (2002). *Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan*. dlm. Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof
- Mohamed, A.A. (2012). *Pembangunan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Menerusi Kokurikulum Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar UTHM*. Tesis Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mustafa, M.Z., Ali S., Badaruddin I., Sufian M., Kahirol M. S., Ahmad Rizal M. dan Nor Lisa S. (2011). Penguasaan kemahiran berpasukan menerusi penyertaan di dalam Kokurikulum: satu tinjauan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008* Universiti Teknologi Malaysia.
- Sinar Harian, *Dasar Sukan IPT Lahir 'Thinking Athletes'*. Khamis, 22 Januari 2009
- The National Federation of State High School Associations (NFHS). (1999). *The case for high school activities*. Indianapolis, Ind.: NFHS. Dicapai Januari 2, 2014.
- USA Today. (1993). *Good grades on r'esum'e may not guarantee job*. 28 January. Dicapai Januari 2, 2014.
- University James Cook, Australia (2004). "Teaching and Learning Developmet Generic Skills." http://www.jcu.edu.au/office/tld/generic/gskills_o.shtml. Dicapai pada November 10, 2013
- University of Canberra (2002). *Generic Skills And Attributes of University of Canberra Graduates from Undergraduate and Postgraduate Coursework Courses*."Canberra : University of Canberra.
- Wagner, C. (1999). *Improving the prospects for poor children*. The Futurist 33 (4). Dicapai Januari 2, 2014.